

"DARIPADA Abdullah bin Umar ia berkata, aku telah mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : Seseorang lelaki adalah pemimpin dalam urusan keluarganya, dan dia akan diminta bertanggungjawab dalam kepimpinannya. Seseorang isteri adalah pemimpin dalam mengurus rumahtangga suaminya, dan dia akan diminta bertanggungjawab dalam kepimpinannya."  
 - Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda riwayat Al-Imam Al-Bukhari

# PELAJARI FALSAFAH SENI KALIGRAFI

**BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 5 Jun.** - Majlis Perasmian Pameran Kaligrafi daripada pihak Research Centre for Islamic History, Art and Culture (IRCICA) yang diadakan di Dewan Auditorium, Balai Khazanah Islam Sultan Haji



**UCAPTAMA** mengenai Falsafah Kaligrafi Islam disampaikan oleh Director General, Research Centre for Islamic History, Art and Culture (IRCICA), Professor Dr. Mahmud Erol Kilic.

Hassanal Bolkih, diteruskan lagi pada sesi petang dengan dengan 'Special Presentation' atau Pembentangan Khas bertajuk 'Philosophy of Islamic Calligraphy'.

Pembentangan disampaikan oleh Director General, IRCICA, Professor Dr. Mahmud Erol Kilic, yang mana beliau antara lain mengongsikan mengenai peranan IRCICA sebagai organisasi yang bertanggungjawab dalam memelihara warisan kesenian Islam di peringkat global sejak tahun 1979.

Beliau menambah, pusat berkenaan telah menganjurkan banyak pameran kaligrafi Islam sama ada di negara Islam atau sebaliknya, di mana para pengunjung yang datang dari

pelbagai budaya dapat memahami tafsiran simbolik yang terkandung dalam gubahan Kaligrafi.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis pada Pembentangan Khas tersebut ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Turkiye ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Profesor Dr. Hamit Ersoy.

Turut hadir, Rektor, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal; Penolong Rektor (Penyelidikan, Antarabangsa dan Perkhidmatan), UNISSA selaku pengerusi Pameran Kaligrafi dan Kesenian Islam IRCICA, Dr. Arman bin Haji Asmad; serta para jemputan yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan sektor kerajaan dan juga swasta.



**TUAN Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Turkiye ke Negara Brunei Darussalam** semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Pembentangan Khas tersebut (atas) sementara gambar bawah kiri dan kanan, antara yang hadir pada pembentangan tersebut.

